

KISAH KEJAYAAN SUKU TAHUN KEDUA 2017

PUSAT INTERNET 1MALAYSIA KG ULU SEPERI

Types of Success Story (please tick (√) one)

- Keusahawanan
- Celik ICT / Komuniti Pintar

Service Provider (please tick (√) one)

- | | |
|---|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> Telekom Malaysia (TM) | <input type="checkbox"/> Packet 1 (P1) |
| <input type="checkbox"/> Celcom | <input type="checkbox"/> Time |
| <input type="checkbox"/> Maxis | <input type="checkbox"/> Redtone |
| <input type="checkbox"/> Digi | <input type="checkbox"/> Danawa |

ITEM JENIS	MAKLUMAT		
Maklumat PI1M	Nama PI1M <i>PI1M KG ULU SEPERI</i>		
	Nama Pengurus <i>NUR FARAZIAH BINTI MD JAMIL</i>	No. Telefon	<i>0129805760</i>
	Nama Penolong Pengurus <i>NURFAIZZIN BINTI MUSA</i>	No. Telefon	<i>0136127674</i>
	Email <i>uluspri@pi1m.com.my</i>		
Lokasi	Daerah <i>JELEBU</i>	DUN	<i>CHENNAH</i>
	Mukim <i>GELAMI LEMI</i>	Parlimen	<i>P.126-JELEBU</i>
	Negeri <i>NEGERI SEMBILAN</i>		

ITEM JENIS	MAKLUMAT			
Maklumat Individu/ Organisasi	Nama	RASIDAH BINTI NASIR	Umur	45 TAHUN
	Email	rasidahnasir061@gmail.com	No. Telefon	019-6292853
	Alamat	LORONG BALAIRAYA KG SEPRI HILIR, 71650 TITI JELEBU NEGERI SEMBILAN	Tahun menjadi Ahli PI1M	16 MEI 2010
Bentuk perniagaan	<i>Usahawan yang mengusahakan dan menjual produk yang berasaskan sulam kait</i>			
Kisah kejayaan	<p><u>Latar belakang</u></p> <p>Pada era globalisasi ini, internet memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Internet dapat memberikan seribu satu kebaikan kepada manusia jika digunakan sebaik-baiknya. Umum mengetahui bahawa penggunaan internet sangat signifikan kepada manusia terutamanya dari aspek keusahawanan. Hal ini demikian kerana, kita dapat menyaksikan betapa internet banyak membantu golongan usahawan mengembangkan perniagaan mereka. Dengan perkataan lain, usahawan dapat mempromosikan produk mereka dengan menggunakan talian terus di internet. Sesungguhnya, internet banyak membantu usahawan terutamanya dalam meluaskan pasaran mereka.</p> <p>Pada awal kewujudan Pusat Internet 1Malaysia (Pi1M) Ulu Sepri ini, saya jarang berkunjung ke sini kerana merasakan tiada kepentingan untuk saya jika berkunjung ke Pusat Internet tersebut. Namun demikian, anak saya seringkali ke Pi1M bagi melayari internet, menyelesaikan tugasan sekolah dan menggunakan perkhidmatan seperti mencetak dan fotostat. Anak saya juga seringkali bercerita mengenai kelas-kelas yang telah disertai dan berasa seronok dan selesa apabila dapat mempelajari sesuatu yang baru bersama rakan-rakan yang lain.</p> <p>Saya yang merupakan seorang ibu tunggal yang mempunyai empat orang cahaya mata dan bekerja sebagai pengawal keselamatan sekolah sepenuh masa yakni mempunyai masa yang agak terhad untuk berkunjung ke Pi1M. Namun demikian, apabila saya sedari dengan keadaan ekonomi yang tidak stabil saya perlu mencari pendapatan sampingan bagi menampung keperluan harian. Oleh itu, saya mengambil keputusan untuk berkunjung ke Pi1M bagi mempelajari ilmu keusahawanan dan</p>			

ITEM JENIS	MAKLUMAT
	<p>mencari idea untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan. Sejurus kunjungan saya ke Pi1M, saya mengambil keputusan untuk mendaftar sebagai ahli dengan hanya bayaran RM5.00 sahaja seumur hidup dan dengan menjadi ahli saya berpeluang mengikuti kelas yang dijalankan di Pi1M secara percuma.</p>
	<p><u>Sebelum penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u></p> <p>Sebelum mengikuti kelas kemahiran keusahawanan yang dijalankan di Pusat Internet 1Malaysia Ulu Sepri ini, saya hanya mempunyai ilmu keusahawanan yang minimal sahaja. Saya tidak mendapat pendedahan yang mendalam mengenai ilmu kemahiran keusahawanan ini. Hal ini demikian kerana, sebelum ini saya hanya mengetahui asas-asas keusahawanan sahaja dan tidak pernah mengikuti mana-mana kelas keusahawanan. Pendek kata, saya mempunyai ilmu yang agak cetek di dalam bidang ini dan berminat dan bersemangat untuk menimba sesuatu yang baru bagi menjamin masa depan saya di samping dapat menjana pendapatan sampingan kelak.</p>
	<p><u>Selepas penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u></p> <p>Terdapat banyak perubahan yang dapat dilihat selepas tamat latihan kemahiran keusahawanan yang saya sertai di Pusat Internet 1Malaysia Ulu Sepri ini. Hal ini demikian kerana saya telah mendapat idea untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan saya iaitu berdasarkan sulam kait bagi menghasilkan produk seperti beg tangan, bekas alat tulis, beg dompet dan pelbagai produk cenderahati yang lain bagi dijadikan sebagai hadiah atau pemberian kepada seseorang. Jika terdapat sebarang permasalahan saya akan merujuk kepada petugas di Pi1M sama ada terus berkunjung ke Pi1M mahupun berhubung melalui aplikasi Whatsapp.</p> <p>Selanjutnya, melalui kelas latihan keusahawanan yang diadakan di Pusat Internet 1Malaysia Ulu Sepri ini, saya kini telah memiliki facebook page untuk perniagaan atas talian saya. Petugas disini turut memberi tunjuk ajar kepada saya cara-cara untuk mempromosikan produk jualan saya secara sistematik dan teratur. Saya juga di ajar menggunakan aplikasi media baru yang terkini iaitu Instagram sebagai medium tambahan untuk mempromosikan produk saya. Ini secara tidak langsung akan membantu saya untuk menarik lebih ramai pelanggan.</p> <p>Setelah membuat promosi secara atas talian, permintaan terhadap produk sulam kait kini mendapat perhatian masyarakat di luar sana. Hal ini demikian kerana, setiap produk yang saya hasilkan adalah merupakan idea saya sendiri dan ini merupakan</p>

ITEM JENIS	MAKLUMAT
	<p><i>keunikkan produk saya. Sebelum ini, pendapatan sampingan saya melalui hasil jualan produk sulam kait ini sekitar RM200.00 sebulan. Namun demikian, setelah mempelajari pelbagai ilmu keusahawanan di PI1M saya mampu menjana pendapatan sampingan RM400.00 sebulan. Selain itu, saya kini juga telah berjaya mendaftar perniagaan kecil-kecilan saya di Suruhanja Syarikat Malaysia (SSM) dan diberikan nama FNR MEWAH ENTERPRISE. Dengan adanya sijil pendaftaran ini, pembeli di luar sana lebih yakin untuk menempah dan membeli produk yang saya hasilkan.</i></p> <p><i>Dengan adanya ilmu pengetahuan yang saya peroleh di Pusat Internet 1Malaysia ini, menjadikan saya lebih bersemangat dan berwawasan untuk menjadi seorang usahawan ibu tunggal yang berjaya dan seterusnya memberi inspirasi kepada ibu tunggal yang lain agar menceburi bidang keusahawanan ini.</i></p>
Penggunaan PI1M	<p><u>Apa yang dipelajari melalui PI1M</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Mempelajari mengenai kemahiran keusahawanan - Mempelajari asas komputer dan internet melalui silibus Intel - Mempelajari cara membuat pemasaran online melalui facebook iaitu belajar memuat turun gambar ke dalam akaun facebook. <p><u>Bagaimana PI1M membantu perkembangan perniagaan/ peningkatan tahap kemahiran ICT</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Pusat Internet 1Malaysia banyak memberi pendedahan kepada saya mengenai kemahiran keusahawanan dan petugas memberikan layanan yang baik kepada saya setiap kali kunjungan saya ke sini. - Memberi kelas tambahan dengan lebih kerap terutama cara pemasaran yang lebih menarik lagi. - Produk lebih dikenali selepas membuat promosi di akaun facebook.

ITEM JENIS	MAKLUMAT			
Online Platform	Laman Web	-	Blog	-
	FB	Bonda Shida	Instagram	-
	Whatsapp	019-6292853		
Gambar & Keterangan	<p>i) Bengkel Latihan ICT/ Keusahawanan yang dihadiri</p>  			
	<p>Caption : Petugas Pusat Internet 1Malaysia sedang memberi taklimat asas kemahiran keusahawanan kepada peserta</p> <p>ii) Produk / Hasil Transformasi</p>  			

**ITEM
JENIS**

MAKLUMAT



Caption :Antara produk sulam kait yang mendapat tempahan daripada pembeli

iii) Promosi di Media Sosial



Caption : Antara promosi di laman sosial facebook

ITEM JENIS	MAKLUMAT
Maklumbalas	<p><i>Maklumbalas terhadap latihan dan bantuan yang diberikan oleh pihak PI1M</i></p> <p><i>Saya berpendapat bahawa kelas kemahiran keusahawanan yang diadakan banyak memberi peluang pada masyarakat untuk menambah ilmu pengetahuan serta meningkatkan pengetahuan tentang dunia digital. Secara tidak langsung, dengan adanya ilmu pengetahuan yang ada dapat meningkatkan semangat saya untuk terus menjana pendapatan melalui bidang perniagaan. Dengan adanya ilmu dan kemahiran yang saya peroleh kini, saya bercita-cita untuk membuka sebuah premis menjual alatan jahitan serta menjual hasil kraftangan saya di serata Malaysia pada masa hadapan.</i></p>